

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PRESIDEN UMNO DI MAJLIS MENYAMBUT
ULANGTAHUN KESEPULUH UMNO
BAHAGIAN BATU DI SEKOLAH MENENGAH
JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS) SELAYANG
BARU, BATU CAVES, KUALA LUMPUR PADA
23HB FEBRUARI, 1975

Y.B. Senator Ibrahim Yaacob¹, Y.A.B. Datuk Harun Idris², Ahli-
ahli Tertinggi, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada pagi ini merayakan Hari Ulangtahun Yang Kesepuluh UMNO Bahagian Batu.

Saya mengucapkan terimakasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya merasmikan perayaan ini. Sesungguhnya pada hari yang bersejarah ini, sambil kita bergembira atas kejayaan kita, haruslah kita mengenang kembali kepada pahit maung yang telah dialami di masa lalu dan mengambil contoh serta tauladan untuk meneruskan perjuangan kita pada masa hadapan.

Selama sepuluh tahun yang lampau, UMNO Bahagian Batu telah bergerak di dalam suatu kawasan yang diwakili oleh parti lawan mula-mula Socialist Front dan selepas itu Parti Keadilan. Kita bersyukur kerana selepas genap pilihanraya nasional 1974 terutama sekali di peringkat negeri di mana seorang ahli parti kita sendiri — Saudara Zakaria Haji Yahaya — telah menewaskan seorang jaguh parti lawan yang terkenal — Dr. Tan Chee Khoo. Sekiranya pada masa dahulu kawasan pilihanraya Batu terkenal sebagai kubu parti lawan, nama Batu akan dikenali pada masa ini dan pada masa akan datang sebagai Bahagian UMNO yang telah menewaskan seorang Goliath politik pembangkang yang bertapak di sini selama lima belas tahun lebih.

1 Pengerusi UMNO Bahagian Kepung.

2 Menteri Besar Selangor.

Kejayaan UMNO Bahagian Batu dalam pilihanraya nasional tentulah bukannya hasil daripada azam dan dedikasi pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya menghadapi pilihanraya itu saja. Tentulah kejayaan ini hasil daripada pengabdian ahli-ahli UMNO Bahagian Batu ini kepada penduduk-penduduk kawasan ini setiap masa. Sukalah saya mengucapkan syabas kepada Bahagian ini kerana selama sepuluh tahun yang silam itu, ianya tidak pernah mengabaikan peranannya sebagai sebahagian daripada parti yang menganggotai Kerajaan di peringkat negeri dan pusat.

Sebagai sebahagian daripada parti pemerintah, UMNO Bahagian Batu telah berjaya memimpin dan menggerakkan rakyat di kawasan ini supaya menyakini dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk menjayakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Pendek kata, Bahagian ini tidak bergerak secara pasif sahaja tetapi tetap memainkan peranannya sebagai pemimpin dan penggerak rakyat jelata dari semua kaum.

Bagaimanapun, kemenangan kita di kawasan ini dan di tempat-tempat lain juga dalam pilihanraya lalu tidaklah sepatutnya menyebabkan kita melupakan pengalaman kita yang lampau. Sebaliknya, pengalaman kita itu hendaklah menguatkan lagi keazaman dan semangat kita supaya menjamin keadaan itu tidak berulang lagi di masa akan datang.

Sekiranya saudara-saudara sebagai ahli-ahli UMNO di sini sentiasa bergerak cergas semasa kawasan ini diwakili oleh parti lawan, saya yakin saudara-saudara akan memainkan peranan yang lebih besar pada ketika parti kita sendiri diberi kepercayaan penuh memikul tanggungjawab mewakili rakyat di kawasan ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana kita semua maklum, kekuatan UMNO selamalamanya berlandaskan sokongan rakyat. Sokongan ini tidak dapat diperolehi begitu sahaja tanpa kita berkhidmat dan mengabdikan diri kepada rakyat. Sokongan ini penting bagi mana-mana parti politik yang ingin memimpin rakyat serta negara, dan dari kekuatan pimpinan inilah datangnya kemampuan dan keupayaan parti itu untuk mewakili rakyat dalam Kerajaan. Andainya UMNO sendiri tidak mempunyai seorang ahlinya yang dipilih untuk mewakili sesuatu kawasan pilihanraya yang tertentu sebagai sebuah parti politik yang telah berakar umbi, namun hendaklah

UMNO terus memimpin serta berkhidmat kepada rakyat di kawasan itu.

Saya harap dan saya ingin pemimpin-pemimpin UMNO benar-benar memahami hakikat ini. Memberi pimpinan kepada rakyat hendaklah menjadi dorongan utama dalam kegiatan kita sebagai sebuah pertubuhan politik yang terbesar dan tertua di tanah air kita. Dalam sistem politik negara kita yang mendukung demokrasi berparlimen, kemenangan dalam pilihanraya untuk mewakili rakyat menentukan parti mana yang akan memerintah. Tetapi perwakilan atau representation ini tidak akan berkesan sekiranya parti yang memerintah tidak memimpin rakyat yang diwakilinya. Sekiranya parti itu memimpin dan menggerakkan rakyat, kuasa yang dipegang oleh parti dalam Kerajaan akan menghasilkan serta menjayakan dasar-dasarnya dengan lebih berkesan demi kepentingan rakyat dan negara.

Pada hemat saya, dalam sesebuah negara yang bercorak demokrasi, kuasa itu terletak di peringkat bawah iaitu di tangan rakyat dan tanggungjawab dipikul oleh peringkat atas iaitu Kerajaan. Ini bermakna bahawa selepas dipilih oleh rakyat, Kerajaan yang kita tubuhkan itu memikul tanggungjawab mentadbir dan bukan berkuasa memerintah. Oleh hal demikian, kita sebagai sebuah parti politik mestilah menjalankan kuasa serta memimpin di bawah bersama-sama dengan rakyat supaya tanggungjawab yang kita pikul itu akan sentiasa dapat kita penuhi untuk kebajikan rakyat seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah memisahkan antara pimpinan dan perwakilan supaya jelas difaham di mana letaknya kekuatan politik itu dan supaya matlamat kita untuk menentukan corak Kerajaan akan dapat dicapai dengan lebih mudah. Tidak berguna bagi kita sekiranya kita kononnya mewakili hasrat rakyat tetapi tidak pula dapat memimpin dan menggerakkan mereka kearah matlamat yang telah ditetapkan.

Keadaan ini telahpun berlaku dalam beberapa badan dan pertubuhan di mana terdapat pucuk pimpinan yang tidak mewakili atau perwakilan yang tidak memimpin. Akibatnya ialah keadaan kelamkabut dalam pertubuhan tersebut dan apa yang mendukacitakan ialah ramai daripada ahli-ahli pertubuhan itu yang menjadi mangsa.

Sekiranya keadaan yang sama berlaku di dalam pemerintahan negara, tentulah kepentingan rakyat akan menjadi korban. Sebagai parti politik yang bertanggungjawab, kita ingin kuasa pemerintahan negara terletak di tangan parti politik yang mewakili serta memimpin rakyat supaya rakyat sendiri tidak curiga dengan pimpinan negara dan kepentingan rakyat sentiasa diawasi.

UMNO telah lama mewakili dan memimpin rakyat negara ini sejak tertubuhnya dua puluh lapan tahun lalu. Perjuangan kita telah berhasil dengan mencapai kemerdekaan dan seterusnya mewujudkan kesetabilan politik dinegara ini. Kemerdekaan telah membolehkan rakyat menentukan sendiri bentuk dan anggota Kerajaan serta nasib masa hadapan kita. Kesetabilan politik membolehkan Kerajaan yang dipilih menumpukan sepenuh masa dan tenaga kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa kesetabilan politik itu adalah syarat utama bagi sesebuah negara yang inginkan kemajuan ekonomi yang pesat serta perubahan sosial yang berkesan. Kesetabilan ini boleh wujud samada daripada keteguhan institusi-institusi politik negara itu ataupun melalui kekuatan pimpinan politiknya.

Tetapi bagi negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan, kesetabilan politik itu bergantung semata-mata kepada kekuatan pimpinan politiknya. Sekiranya pimpinan politik ini bercorak demokratik, parti-parti politiklah yang memainkan peranan utama dalam menjamin kesetabilan politik di negara itu.

Bagi negara kita, kekuatan UMNO memimpin serta mewakili rakyat telah menghasilkan kesetabilan politik selama ini. Oleh itu mustahaklah kita meneruskan pimpinan yang jujur dan ikhlas itu. Kita memimpin bukan untuk kepentingan diri bahkan untuk kepentingan parti, rakyat dan negara. Saya telah kerap kali sebutkan bahawa jawatan-jawatan dalam parti termasuklah jawatan wakil-wakil rakyat adalah diberi oleh parti kepada kita untuk berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Janganlah kita menyangka iaitu tanggungjawab bagi mewakili rakyat di peringkat Kerajaan bermakna kita boleh bersama-sama menikmati sepenuhnya hasil daripada kemajuan ekonomi negara. Kalau kita berperasaan begini, akan timbullah masalah kelak di mana pemimpin-pemimpin atau wakil-wakil rakyat akan berlumba-

lumba untuk menjaga kedudukan diri dan bukan untuk kepentingan parti dan negara.

Begitu juga saya selalu sebutkan iaitu perselisihan faham dalam parti mesti timbul dari satu masa ke satu masa dan pergolakan politik mesti timbul dalam parti. Tetapi saya harap pergolakan ini akan memperkuatkan parti kita bagi menimbulkan pemimpin-pemimpin yang berkelibar dan berdedikasi serta dipercayai oleh ahli-ahli.

Akan tetapi kalau pergolakan itu diteruskan bagi kepentingan persendirian atau golongan tertentu dan tidak berasas kepada isu-isu yang benar-benar bersangkutan paut dengan kedudukan UMNO sebagai parti yang mewakili hasrat rakyat, saya bimbang ini akan menimbulkan pecah belah dalam perpaduan parti. Oleh itu, saya harap jika ada apa-apa perselisihan dalam parti mesti diatasi menurut aturan dan peraturan parti dan mesti berasas kepada kepentingan parti, bangsa dan negara.

Begitu juga UMNO ialah parti kebangsaan dan kita menerima sesiapa juga yang suka hendak berkhidmat dalam UMNO baik golongan tua ataupun muda asalkan mereka itu benar-benar jujur untuk berkhidmat kepada parti dan patuh kepada dasar dan tujuan parti. Saya ingin menegaskan bahawa UMNO sentiasa memerlukan golongan muda negara kita sebagai ahli-ahlinya dan UMNO sebagai parti politik sentiasa berkeadaan segar dan sihat dan sanggup menyesuaikan kedudukannya dengan keadaan zaman dan masa. Kita mempunyai imej yang segar dan sihat ini ialah timbul daripada semangat dan matlamat perjuangan UMNO sebagai parti yang sentiasa memimpin dan mewakili rakyat kerana tiada apa yang lebih sihat daripada kesanggupan dan kesediaan berkhidmat kepada rakyat.

UMNO memerlukan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin daripada mereka yang benar-benar jujur untuk berkhidmat kerana kepentingan bangsa dan negara dan sanggup mengenyahkan kepentingan diri dan mengorbankan masa dan tenaga dengan jujur dan ikhlas.

Saudara-saudara sekalian,

Saya harap imej UMNO yang subur dan segar akan dijaga dan diawasi setiap masa kerana kalau UMNO dipandang sebagai alat

untuk kepentingan persendirian atau golongan tertentu, maka UMNO akan lemah dan bukan saja tidak dapat menarik golongan muda yang kita perlu bagi meneruskan pimpinan parti pada masa akan datang tetapi UMNO akan lemah terus. Oleh itu mestilah kita sungguh-sungguh berazam menjaga nama baik serta imej parti kita.

Bagi golongan muda pula, saya sukalah menasihatkan bahawa tidak ada jalan cepat atau short-cut bagi mereka diterima sebagai pemimpin dalam UMNO. Pimpinan itu bukan hak mana-mana golongan pun, baik golongan muda yang dinamis serta cerdik pandai ataupun golongan lama yang matang dan berpengalaman. Pimpinan itu akan ditentukan apabila seseorang itu mendapat kepercayaan ahli-ahli dan ia difikir akan bertanggungjawab kepada ahli-ahli parti. Seseorang tidak akan keciwa sekiranya ia sanggup mundur dua langkah supaya ia dapat mara sepuluh langkah ke hadapan. Oleh itu janganlah golongan muda hilang sabar. Amalkanlah sifat kesabaran ini dari awal-awal lagi kerana sifat ini akan sentiasa diperlukan apabila memikul tanggungjawab pimpinan yang lebih berat kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sukalah saya melafazkan rasa kepercayaan saya bahawa saudara-saudara sekalian akan memainkan peranan positif bagi menjamin supaya parti kita akan sentiasa memegang pimpinan rakyat di kawasan ini dan akan sentiasa berkhidmat demi kepentingan rakyat.

Saya juga yakin bahawa dengan kemenangan pilihanraya 1974, saudara-saudara sekalian akan berusaha lebih giat lagi bagi mempertahankan kemenangan ini supaya parti kita akan selama-lamanya mewakili rakyat di kawasan ini. Sesungguhnya, saya berharap Ulangtahun Kesepuluh Penubuhan UMNO Bahagian Batu akan membuka lembaran baru serta detik masa dari mana UMNO akan sentiasa dipilih sebagai wakil tunggal kepada rakyat di kawasan ini.

Saya mengucapkan selamat menyambut Ulangtahun Kesepuluh Penubuhan UMNO Bahagian ini dan marilah kita mengangkat tangan mendoakan mudah-mudahan Allah memberkati usaha-usaha kita serta mencapai kejayaan dalam segala kegiatan kita.